

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PARTI GERAKAN  
YANG KE-22

TEMPAT: HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 MAY 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Parti Gerakan kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Parti Gerakan yang ke-22 pada pagi ini. Penghormatan yang diberikan kepada saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional oleh majlis ini amatlah bermakna daripada segi perpaduan parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

2. Selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) saya berasa bangga melihat Parti Gerakan berjaya memenuhi tanggungjawabnya sebagai anggota komponen Barisan Nasional. Persaingan di antara Gerakan dengan MCA sudah dapat diatasi dengan baik tanpa menjejaskan identiti masing-masing. Parti Gerakan juga telah membuktikan keupayaannya memainkan peranan yang positif dalam usaha Kerajaan mengatasi masalah perkauman.

3. Kejayaan Parti Gerakan ini adalah disebabkan oleh sokongan padu dan kerjasama anggota-anggota berbilang kaumnya yang penuh dedikasi dan komited kepada perjuangan parti. Anggota-anggotanya sungguh berdisiplin, bersemangat tinggi dan berjuang untuk kesejahteraan, kemajuan, kemakmuran dan keamanan rakyat dan negara.

4. Pemimpin-pemimpinnya yang diketuai oleh Presidennya yang terkenal sebagai pejuang alam sekitar dan minyak kelapa sawit, telah menunjukkan kualiti kepimpinan yang tinggi dan penuh bertanggungjawab. Mereka jelas tidak mementingkan diri sendiri dan sebaliknya berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat kepada mereka. Mereka juga berani menghadapi cabaran dan berpegang kepada kebenaran walaupun dijadikan isu oleh parti lawan. Hendaknya keadaan ini akan berterusan malah seboleh-bolehnya dimantapkan lagi supaya sistem kerjasama dan tolak-ansur Barisan Nasional akan terus berhasil.

5. Anggota-anggota parti dalam gabungan Barisan Nasional hendaklah sentiasa peka dan sedar akan perkembangan yang berlaku di luar parti mereka. Ini amat penting agar perjuangan mereka selari dengan aliran atau arah matlamat Barisan Nasional. Sekiranya mereka tidak mengikuti perkembangan di luar parti, dan mengambilkira juga

kepentingan parti komponen lain, saya kawatir mereka akan mula berpendirian sempit dan menjejaskan kewibawaan Barisan Nasional.

6. Dalam hal ini, anggota-anggota parti hendaklah juga memastikan bahawa mereka mempunyai pemimpin-pemimpin yang berfikiran luas dan terbuka, berwawasan dan dapat memahami 'constraints' yang terdapat dalam negara majmuk ini. Kita tidak mahu adanya pemimpin-pemimpin yang hanya mengutamakan 'popularity' dirinya dalam parti sahaja. Pemimpin tidak harus menurut kehendak pengikut semata-mata tetapi hendaklah memimpin dan memberi tunjuk-ajar kepada pengikut.

7. Semenjak tahun 1990, sudah dua parti komponen Barisan Nasional berpaling tadah. Parti Bersatu Sabah (PBS) dan USNO, kedua-duanya dari Sabah telah meninggalkan Barisan Nasional semata-mata kerana pemimpin mereka mahu sesuatu bagi diri sendiri. Untuk ini, mereka sanggup 'menikam kita dari belakang'. Dan dua peristiwa ini membawa beberapa petunjuk atau pengajaran kepada kita.

8. Parti-parti yang keluar daripada Barisan Nasional jelas menunjukkan mereka tidak mempunyai pendirian. Mereka tidak berpegang kepada konsep Barisan Nasional dan matlamat serta perjuangannya untuk negara. Mereka hanya mengutamakan apa yang pemimpin mereka boleh dapat daripada Barisan Nasional tanpa mengambil berat akan sumbangan mereka kepada Barisan Nasional dan negara. Kehadiran mereka dalam Barisan Nasional hanya melemahkan Barisan Nasional dan menyebabkan parti-parti komponen terpaksa memandang ke belakang semasa menghadapi musuh. Barisan Nasional tidak boleh pasti bila akan diserang dari belakang oleh mereka. Pemergian mereka adalah satu 'blessing' yang jelas.

9. Hari ini konsep Barisan Nasional sudahpun diakui di luar negara sebagai satu konsep kerjasama antara kaum yang baik. Hari ini, ramai yang datang dari negara-negara lain untuk mempelajari konsep Barisan Nasional. Antara yang datang adalah ahli-ahli akademik dari negara-negara demokratik Barat. Semua mereka kagum dengan kejayaan Barisan Nasional bukan sahaja setakat mewujudkan keamanan dan kestabilan politik tetapi juga membangunkan negara dengan pesat.

10. Semua mereka tahu apa yang sedang berlaku di negara-negara berbilang kaum di Asia, Afrika, Eropah dan Amerika. Rusuhan, penindasan dan bunuh membunuh berlaku di hampir semua negara ini. Contoh yang terburuk sekali ialah Bosnia-Herzegovina, di mana pihak Serb telah, sedang dan akan terus melakukan 'ethnic cleansing', satu jenis 'genocide' yang lebih dahsyat daripada 'holocaust'.

11. Sebaliknya di Malaysia di mana terdapat bukan sahaja perbezaan kaum di kalangan penduduk dan warganegaranya tetapi juga perbezaan budaya, bahasa, tempat tinggal, pencapaian ekonomi dan yang besar sekali ialah perbezaan agama, namun keamanan, kestabilan politik, kemajuan sosial

dan ekonomi wujud. Jikalau kita kata ini adalah hasil dasar dan pendekatan Barisan Nasional, kita bukan memuji diri tetapi ia hanyalah satu kebenaran.

12. Apakah yang akan berlaku dalam negara ini jika parti-parti lawan yang ada sekarang ini memerintah? Kita mempunyai contoh yang jelas di Kelantan dan di Sabah. Ketegangan politik melanda negeri-negeri ini dan ekonomi mereka tidak berkembang. Perhubungan antara kaum tidak baik. Jika tidak kerana Kerajaan Persekutuan berkuasa dalam perkara keselamatan, huru-hara mungkin sudah berlaku. Parti pembangkang lain yang belum pernah mendirikan Kerajaan sudah pun menunjukkan belangnya dengan pengurusan parti mereka. Tidak ada demokrasi dan tidak ada pertukaran pucuk pimpinan yang dibenarkan. Dan dasar mereka memang memihak kepada satu kaum sahaja dan mereka sering memainkan isu perkauman yang sempit. Di samping itu, mereka sering bersubahat dengan orang asing di luar negeri untuk mengecam negara sendiri. Jika parti ini berkuasa, keamanan dan kemajuan ekonomi yang terdapat sekarang tetap akan rosak.

13. Sebaliknya di bawah pemerintahan Barisan Nasional negara stabil, aman dan maju. Pengkritik-pengkritik dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional dan negara ini, dari dalam dan luar negeri, sukar untuk membuktikan kebenaran tuduhan mereka sekarang. Segala pendekatan dan dasar Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai kejayaan yang jelas.

14. Barisan Nasional bukan sahaja mendokong dan mengamalkan demokrasi dalam urusan pemerintahan negara tetapi juga setiap parti dalam Barisan Nasional mengamalkan demokrasi dalam parti. Kepimpinan parti-parti Barisan Nasional bertukar ganti tetapi prinsip perjuangan mereka kekal dan dipegang oleh kepimpinan lama dan baru.

15. Di sini ingin saya tegaskan bahawa ideologi bukan untuk ideologi, dan demokrasi bukan untuk demokrasi. Ideologi dan demokrasi adalah untuk kebaikan pengikutnya. Apabila ideologi dijadikan 'agama' dan diamalkan tanpa mengambilkira hasilnya maka ideologi akan membawa keburukan. Sebabnya ialah ideologi adalah ciptaan manusia dan tidak 'perfect', bahkan penuh kelemahan.

16. Ideologi komunis ada mempunyai asas, prinsip dan matlamat yang baik iaitu untuk menghapuskan penindasan golongan yang berada ke atas golongan pekerja yang miskin, menyamakan semua warganegara dan membahagikan kekayaan secara sama rata. Tetapi dalam usaha mencapai matlamat ini, pemerintahan komunis telah melakukan pembunuhan rakyat beramai-ramai, menyalahguna kuasa, menjadikan semua rakyat sama miskin dan bukan sama kaya, memerintah secara diktator yang kejam, menghasut dan mengintip semua rakyat. Hasilnya masih juga tidak ada persamaan tetapi kemiskinan terus ketara. Selama 70 tahun berlalu sebelum komunis sedar bahawa ideologi mereka tidak membawa kebahagiaan kepada rakyat atau negara.

17. Sekarang ini Barat ingin menjadikan demokrasi ala-Barat sebagai satu agama yang mesti diamalkan walau apapun terjadi. Keruntuhan Empayar Soviet Rusia memanglah satu hasil demokrasi yang dunia alu-alukan. Tetapi di samping itu, berlaku peperangan dan pembunuhan beramai-ramai di Azerbaijan, Georgia, Belarus, Ukraine, Tajikistan dan juga di Eropah Timur, termasuklah 'genocide' di Yugoslavia. Rusia sendiri menjadi tidak stabil, lemah dan miskin hasil daripada demokrasi dengan sistem pasaran terbukanya.

18. Di Barat sendiri, demokrasi yang keterlaluan telah membawa keruntuhan akhlak yang ketara dengan dadah, homoseks, 'single parents' dan ekonomi yang merosot kerana etika kerja yang buruk. Tetapi mereka bukan sahaja terus mengamalkan demokrasi mereka bahkan juga cuba memaksa orang lain menerima dan mengamalkan segala tabiat buruk dan nilai-nilai mereka kerana kononnya ia adalah demokratik dan tidak boleh dipersoalkan.

19. Kita menerima demokrasi tetapi kita perlu berhati-hati supaya tidak keterlaluan sehingga merosakkan kita. Kebebasan yang tidak terhad adalah merbahaya. Dalam masyarakat kita yang berbilang kaum, rusuhan mudah berlaku jika kita dengan bebas menghasut kaum, menunjuk perasaan di jalan-jalan, bermogok sepanjang masa dan melakukan perkara-perkara lain yang kononnya menjadi hak rakyat negara demokratik.

20. Demikian juga dalam parti. Jika kita bertanding hanya kerana dibenarkan bertanding ataupun kita berkempen dengan menggunakan cara yang buruk dan wang sogokan, jika kita sengaja memburukkan calon, hasilnya bukan kejayaan bagi parti tetapi perpecahan yang boleh membawa kehancuran. Inilah yang berlaku kepada UMNO pada tahun 1987. Demokrasi ibarat pisau yang tajam, jika digunakan dengan baik boleh mengukir sesuatu yang cantik, tetapi pisau itu juga boleh membunuh. Oleh itu, berhati-hatilah dalam mengamalkan demokrasi, baik dalam parti atau dalam negara.

21. Pengamal demokrasi di Barat juga sebenarnya tidak begitu demokratik. Sementara mereka mengecam negara-negara membangun kerana tidak demokratik tetapi dalam arena antarabangsa dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mereka tidak sanggup menerima kedaulatan suara ramai. Di dalam negara mereka juga diskriminasi berlaku terhadap kaum minoriti dan yang kulit berwarna. Akhbar mereka semua berat sebelah dan tidak memberi kebebasan bersuara kepada orang yang mereka tidak sukai. Malaysia hampir tidak pernah mendapat tempat dalam ruang akhbar mereka, melainkan jika ada berita yang memburukkan kita.

22. Dalam Barisan Nasional kita demokratik. Kita memberi perwakilan yang sama banyak dalam Majlis Tertinggi Barisan Nasional. Ini adalah untuk menentukan kepentingan parti yang kecil mendapat perhatian yang sama dengan parti yang besar. Di samping itu, ia juga untuk menentukan tidak ada parti yang terlalu besar sehingga boleh memerintah sendiri.

Sokongan parti-parti kecil dalam Barisan Nasional tetap penting. Tetapi oleh kerana majoriti dalam Kerajaan besar dan lebih daripada dua pertiga, parti kecil tidak boleh mengugut untuk keluar dan menjatuhkan Kerajaan seperti yang boleh berlaku dalam kerajaan-kerajaan campuran di negara-negara lain. Inilah 'check and balance' kita, supaya tidak ada sesiapa boleh menidakan suara ramai. Sebaliknya jika kita mempunyai sistem dua parti yang hampir sama kuat seperti terdapat di beberapa negara Barat, pemerintahan yang kuat tidak boleh diadakan. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh semua negara Eropah dan Amerika Utara sekarang berpunca daripada cara mereka mengamalkan demokrasi.

23. Di sebaliknya, amalan demokrasi di Rusia, di bekas-bekas negara Soviet Union dan di Eropah Timur hanya membawa perpecahan, rusuhan, peperangan kaum, penindasan, kelemahan, kerosakan ekonomi dan bermacam-macam lagi malapetaka. Demokrasi dengan sendirinya tidak boleh membawa keamanan dan kemakmuran. Bagi bangsa-bangsa dan negara-negara yang tidak tahu loghat dan cara-cara demokrasi, amalannya tetap akan membawa keburukan. Sebaliknya di China dan Vietnam, pemerintahan 'authoritarian' dikekalkan sementara reformasi ekonomi dilaksanakan. Mereka ini lebih berjaya. Walaupun rakyat mereka belum bebas tetapi mereka lebih makmur. Saya yakin apabila sudah makmur, mereka akan menuntut kebebasan yang lebih. Cara ini lebih selamat daripada cara yang cuba diamalkan oleh Rusia. Apa yang jelas ialah pihak Barat mendapat dividen yang besar daripada percubaan demokrasi oleh blok Timur. Hari ini blok Timur hancur dan lemah dan terpaksa meminta-minta pertolongan Barat. Inilah yang dikehendaki oleh Barat, bukan demokrasi, bukan pasaran bebas dan bukan 'human rights'. Jika pemerintahan kuku besi diamalkan oleh negara yang menyokong Barat, ini tidak mengapa. Mereka terus mempertahankan kawan mereka yang tidak demokratik.

24. Semua ini perlu disedari dan difahami oleh ahli-ahli politik dan rakyat negara ini. Kita tidak boleh terima demokrasi ala-Barat tanpa mengambilkira kesan buruk daripadanya.

25. Bersikap fanatik dalam apa-apa bidang pun, tidak akan membawa kebaikan. Demikian juga dengan fanatik demokrasi. Pendapat bahawa biarlah negara hancur dan rakyat menderita asalkan ianya kerana demokrasi adalah bodoh. Demokrasi adalah untuk kebahagiaan masyarakat dan bukannya masyarakat adalah untuk keperluan demokrasi. 'Democracy is meant to serve society and not society to serve democracy'.

26. Mereka dari Barat yang mudah mengkritik orang lain kerana kononnya tidak demokratik, sebenarnya mereka sendirilah yang tidak demokratik. Di negara mereka, diskriminasi berlaku terhadap orang yang bukan sebangsa atau seagama dengan mereka. Mereka ini dikawal dalam 'ghettoes', ditindas, dipukul dan dibunuh, tidak diberi hak, tidak dapat menguasai media, diletak di bawah telunjuk kulit putih sepanjang masa dan tidak mendapat keadilan daripada

mahkamah. Tekanan terhadap negara-negara bukan kulit putih supaya mereka demokratik adalah sebahagian daripada manifestasi otokratik mereka dari Barat ini. Mereka berpendapat oleh kerana mereka berkulit putih, maka apa yang mereka buat adalah demokratik. Justeru itu mereka tidak begitu tegas dalam melawan apartheid. Sekarang ini kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh tentera Serb-Bosnia ke atas orang Islam-Bosnia di Bosnia-Herzegovina bukan sahaja diterima tetapi dihalalkan oleh mereka. Dan orang seperti ini dengan angkuhnya mengatakan bahawa kita tidak demokratik.

27. Janganlah kita mudah tergoda dengan Barat. Kita harus demokratik tetapi tidak sehingga menjadi hamba kepada demokrasi. Dalam parti kita, demokrasi penting tetapi jika parti kita akan hancur dan negara kita menghadapi huru-hara kerana amalan-amalan tertentu yang kononnya demokratik, kita mestilah memilih parti dan negara. Tanpa parti dan negara demokrasi tidak bermakna. Kita bernasib baik kerana amalan demokrasi di Malaysia tidak membawa malapetaka seperti di Soviet Union dan Eropah Timur.

28. Yang penting sekali dalam demokrasi ialah kita boleh menukar Kerajaan atau pemimpin tanpa menimbulkan apa-apa bencana seperti rusuhan. Dan ini dapat kita lakukan di negara kita.

29. Yang lain adalah 'icing' kepada kek demokrasi. Di Malaysia kita mempunyai banyak 'icing' ini kerana kita tahu mengawal nafsu dan sedar akan apa yang baik bagi negara kita. Tetapi kita tidak perlu kepada jenis kebebasan yang keterlaluan yang telah mewujudkan masyarakat yang biadap di Barat.

30. Saya mengucapkan tahniah kepada parti-parti komponen Barisan Nasional yang semuanya berupaya mengamalkan demokrasi yang waras. Selagi kita dapat berbuat demikian, akan terselamatlah negara kita.

31. Saya berharap Parti Gerakan akan selalu demokratik dan kukuh. Pilih dan tukarlah pemimpin jika perlu tetapi jagalah Parti. Kekuatan Barisan Nasional bergantung kepada kekuatan parti komponennya. Dengan memelihara parti dengan baik, saudara- saudari juga memelihara Barisan Nasional dan negara.

32. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Parti Gerakan yang ke-22 ini.